



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000

Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207

Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JILID 3(42)
Tarikh : 3 Julai 2025
Bersamaan : 7 Muharam 1447H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Tuan,

ARAHAN KERJA BIL.42/2025/O: PEMANTAUAN STATUS PEMBAYARAN PESANAN KERAJAAN (BEKALAN & PERKHIDMATAN) SEHINGGA 30 JUN 2025

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.


2. Dimaklumkan bahawa semakan Jabatan ini mendapati Pesanan Kerajaan yang telah dibuat penerimaan bekalan / perkhidmatan, masih belum dibuat pembayaran oleh PTJ tuan sehingga **30 Jun 2025** seperti di **Lampiran A**. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a), Ketua Jabatan hendaklah memastikan **bil dibayar dengan segera** tidak lewat dari **14 hari** dari tarikh dokumen diterima dengan lengkap dan sempurna.

3. Sehubungan itu, pihak tuan diminta untuk menyemak **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan)** yang boleh dijana melalui Modul Perolehan Sistem iGFMAS untuk melihat status terkini Pesanan Kerajaan yang terlibat. Pembayaran hendaklah dibuat dengan kadar segera sekiranya penerimaan bekalan / perkhidmatan telah disempurnakan dan dokumen lengkap telah diterima. Peraturan semasa yang masih berkuatkuasa juga hendaklah dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(AIDAH BINTI MOHD ISA C.A (M))
Penolong Pengarah Kanan (O)
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Melaka.

